

11.1.3 Menerangkan alat muzik dan tarian tradisional dalam kehidupan masyarakat.

Padankan dengan betul alatan muzik tradisional berikut berdasarkan penerangan yang diberikan. (TP 4)

1. Saya alat muzik tradisional etnik Sarawak. Cara permainan lebih kurang sama dengan gitar. Badan saya diperbuat daripada kayu pelaei, keladan atau jelutung.

(a) kompang

2. Saya dimainkan semasa upacara sembahyang tertentu. Pada zaman dahulu, saya juga berperanan untuk menghalau binatang, mengarahkan tentera dan memaklumkan waktu.

(b) sompoton

3. Majlis perkahwinan orang Melayu dan majlis-majlis rasmi tidak akan meriah tanpa kehadiran saya. Saya juga mengiringi tarian dan nyanyian lagu-lagu Melayu.

(c) sape

4. Saya dimainkan semasa upacara keagamaan dan persembahan tarian orang India.

(d) gedombak

5. Saya merupakan teman sejati persembahan wang kulit dan menora. Persembahan akan menjadi tidak menarik tanpa kehadiran saya.

(e) dagu

6. Labu air kering yang ditebuk lubang merupakan badan saya. Lapan buluh yang disusun berlapis dimasukkan ke dalam lubang dan dilekatkan untuk menahan udara keluar daripada celah celah semasa ditiup.

(f) tabla